



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS

Nur Husna Hazirah Mohd Ismail, Muhammad Aiman Mazlan & Nor Syamaliah Ngah

Satu kursus asas pertolongan cemas telah berjaya dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej 2024 dengankerjasama Unit Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah Seremban pada 18 Disember 2024 (Rabu) bertempat di Dewan Mini TPSU, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran asas dalam menghadapi situasi kecemasan, terutamanya dalam memberikan bantuan awal sebelum bantuan profesional tiba. Ia juga bertujuan untuk melatih para peserta agar lebih yakin dan bersedia dalam menangani pelbagai situasi kecemasan.



Bajet yang dimohon untuk program ini adalah RM 925.00, namun jumlah bajet yang diluluskan adalah sebanyak RM860.00. Peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan penyediaan peralatan kursus, bahan pembelajaran, serta makanan dan minuman sepanjang program berlangsung. Bajet yang diluluskan juga termasuk dengan pembayaran honorarium penceramah

Kursus yang berlangsung dari jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang ini telah dihadiri oleh seramai 50 peserta yang terdiri daripada ahli Kelab Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Persatuan Siswa Sihat (PROSIS). Pelbagai modul utama telah diajar sepanjang program ini, termasuk teknik CPR (Cardiopulmonary Resuscitation), kaedah Heimlich Maneuver, rawatan kecederaan seperti luka dan pendarahan, serta tindakan awal untuk menangani situasi seperti tercekik, patah tulang, dan lemas. Selain itu, peserta turut didedahkan kepada penggunaan peralatan asas pertolongan cemas, termasuk cara mengenal pasti dan menggunakan alat-alat dalam kit kecemasan dengan betul.





Penceramah jemputan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, yang diketuai oleh En. Hairil, telah memberikan taklimat interaktif serta demonstrasi praktikal sepanjang kursus. Pendekatan ini memastikan setiap peserta memahami modul dengan mendalam dan dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam situasi sebenar. Sesi praktikal ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran peserta, malah memberikan mereka

keyakinan untuk bertindak dengan tepat ketika menghadapi kecemasan.

Sepanjang kursus, peserta turut diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam simulasi kecemasan yang direka untuk menyerupai situasi sebenar. Aktiviti ini menguji kemampuan peserta dalam membuat keputusan pantas, menggunakan peralatan kecemasan, dan bekerjasama berpasukan. Simulasi ini telah mendapat pujian daripada para peserta kerana memberikan pengalaman yang amat realistik dan bermanfaat dalam memperkukuhkan pengetahuan mereka.



Program sehari ini bukan sahaja memberikan ilmu pengetahuan tetapi turut memberikan pengalaman kepada mahasiswa dalam mengendalikan situasi kecemasan. Jawatankuasa penganjur berharap kursus seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memberi manfaat yang lebih besar kepada komuniti kampus.

